

03/09/1998

Peraturan memerdekakan dasar kewangan negara

Kadir Dikoh

SECARA kebetulan, di Singapura minggu lalu, seorang ahli ekonomi terkemuka Dr Paul Krugman, berkata memandangkan Pelan A iaitu bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), tidak berjaya, sudah tiba masanya untuk melaksana Pelan B iaitu mengenakan kawalan tukaran wang asing.

Menurut profesor ekonomi di Massachusetts Institute of Technology (MIT) itu, ekonomi Asia sudah tiba ke penghujung jalan dan masanya sudah tiba untuk melakukan sesuatu yang radikal. "Keadaan keterlaluan, memerlukan langkah keterlaluan", katanya.

Kelmarin, Malaysia memperkenalkan kawalan tukaran wang asing bermatlamat untuk menstabilkan ringgit dan melindungi ekonomi daripada kesan perkembangan terkini di dalam persekitaran ekonomi serta kewangan dunia. Peraturan baru itu juga bertujuan membendung spekulasi ke atas ringgit dan meminimumkan kesan aliran masuk modal jangka pendek terhadap ekonomi negara.

Ketika Dr Krugman berucap pada perjumpaan perniagaan di Singapura itu, Malaysia sudah hampir selesai merangka peraturan baru itu sehinggakan sejak akhir-akhir ini lampu neon di bangunan Bank Negara Malaysia di Kuala Lumpur masih menyala sehingga subuh.

Di Kota Kinabalu pada 15 Ogos lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usahanya menyediakan rakyat Malaysia terhadap tindakan yang boleh dianggap sebagai radikal berkata, kerajaan akan melaksanakan suatu langkah `drastik' bagi memulihkan ekonomi.

Nyata pengumuman mengenai kawalan tukaran wang asing itu disusuli pengumuman hari ini bahawa nilai ringgit kini ditetapkan pada kadar RM3.80 untuk satu dolar Amerika dilihat sebagai langkah `kejutan' yang dinyatakan Perdana Menteri.

Peraturan kawalan tukaran asing itu sebagaimana diumumkan oleh pemangku Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz membabitkan empat bidang utama iaitu akaun luar, institusi depositori yang sah, penyelesaian perdagangan dan mata wang yang dipegang oleh pengembara. Menerusi peraturan baru akaun luar, pemindahan dana antara akaun luar memerlukan kelulusan Bank Negara, berkuatkuasa serta merta manakala pemindahan kepada akaun pemastautin dibenarkan sehingga 30 September 1998. Selepas itu pemindahan hanya boleh dilaksanakan dengan kelulusan Bank Negara.

Maknanya, antara lain ringgit yang disimpan di akaun luar pesisir yang menurut Dr Mahathir berjumlah antara RM20 bilion hingga RM25 bilion, perlu dibawa balik ke Malaysia dalam tempoh sebulan ini. Selepas itu, ia tiada nilai dan mereka yang ingin membawa masuk pun, jumlahnya dihadkan. Malah, jumlah ringgit untuk dibawa keluar dari Malaysia turut dihadkan kecuali bagi tujuan tertentu termasuk pendidikan, dengan kelulusan pihak berkuasa. Ini juga bermakna, mudah tunai dalam negara akan meningkat secara mendadak. Ini boleh membantu menggerak semula kegiatan ekonomi. Malah, rakyat tempatan yang ingin melancong ke luar negara cuma dibenar membawa RM10,000 dalam tukaran asing termasuk perbelanjaan melalui kad kredit.

Sebenarnya, apa yang tersurat dan tersirat di sebalik peraturan baru itu adalah bagi menghapuskan terus kegiatan spekulatif. Tujuannya ialah untuk mempertahankan ringgit, bukan menakutkan pelabur tulen terutama pelaburan langsung asing (FDI). Petanda awal `menghalau' spekulator ini boleh digambarkan melalui prestasi di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kelmarin apabila pelabur spekulatif asing dengan `wang panas' mereka terpaksa keluar dari Malaysia bagi melindungi diri daripada kerugian, menyebabkan

indeks komposit menjunam 13.3 peratus.

Dalam masa singkat, perdagangan ringgit di Malaysia akan berkembang pesat. Dengan tindakan BSKL untuk tidak mengiktiraf urus niaga di Central Limit Order Book International (Clob) yang diusahakan Bursa Saham Singapura, iaitu dagangan pasaran tidak rasmi di mana lebih 90 peratus kaunter tersenarai terdiri daripada saham syarikat Malaysia, akan turut memberi kesan positif ke atas dagangan di BSKL.

Selama ini kegiatan jualan singkat di Clob telah turut melemahkan harga saham di bursa Kuala Lumpur. Walau apapun diperkatakan oleh penganalisis dan pelabur asing, yang dilakukan Malaysia sekarang ialah bagi 'memerdekakan dasar kewangannya' sendiri dan supaya ringgit tidak lagi boleh dijadikan komoditi dagangan untuk kepentingan spekulator.

Jelas juga langkah ini menunjukkan negara tidak yakin badan-badan dunia seperti IMF serius untuk membantu memulih ekonomi serantau. Ini juga menunjukkan kekecewaan kita terhadap keengganan dan kegagalan kuasa besar untuk mengekang kegiatan spekulator melalui kawalan urus niaga mata wang seperti yang pernah disarankan Malaysia sebelum ini.

Selama ini, serangan ke atas ringgit bukan berlaku di dalam negara tetapi dari luar pesisir dengan menjadikan sebuah negara jiran sebagai pangkalan utama.

Sistem pasaran bebas yang dilaungkan selama ini, rupanya boleh 'menjerat' ekonomi negara pengamalinya dan kerana kebebasan itu, spekulator dan dana lindung nilai bermaharajalela singgah di mana-mana saja pasaran. Terbaru ialah di Hong Kong, begitu juga Russia selepas ia turut berjangkit ke Afrika Selatan dan Amerika Latin. Mereka datang menyerang mata wang, memberi tekanan kepada kenaikan kadar faedah dan kemudian mengaut untung dengan melepaskan pegangan saham atau mata wang apabila nilainya naik. Wang panas inilah merosakkan ekonomi sesebuah negara kerana mereka bukan pelabur tulen ditokok pula kegiatan mengadakan jualan singkat.

Sejajar saranan Dr Mahathir di Hong Kong setahun lalu supaya diadakan kawalan ke atas perdagangan mata wang ini, sekarang jalan mereka bagi kegiatan spekulatif, sekurang-kurangnya ke atas ringgit, sudah tertutup rapat.

Melalui langkah terbaru itu, ringgit sudah tiada nilai lagi di luar Malaysia dan dengan itu, ringgit yang dimiliki di luar Malaysia tidak lagi akan sah diperlakukan. Pembiaya kewangan Amerika Syarikat, George Soros boleh melupakan niat untuk kembali menyerang ringgit.

Andainya, negara lain turut merangka peraturan yang sama, sekurang-kurangnya dalam keadaan ekonomi yang terdesak sekarang, kantung Soros dan Quantum Fundnya selain dana lindung nilai dengan sumber berbilion dolar itu, mungkin 'kekeringan' seperti nasib negara yang menjadi mangsa serangan mereka sekarang. Hong Kong dan Taiwan kini misalnya, mengambil langkah serius bagi menghenti spekulasi ke atas mata wang mereka.

Langkah Hong Kong, Taiwan dan Malaysia mengambil tindakan yang bertentangan dengan falsafah prinsip pasaran bebas boleh diterima dalam keadaan kegawatan sekarang ... supaya jangan kera (spekulator) di hutan disusukan (membenarkan kemasukan spekulator gara-gara pasaran bebas) tetapi anak di rumah (rakyat) kelaparan.

Selagi sistem kewangan global tidak kembali stabil, falsafah ini dilihat sebagai satu pendekatan realistik. Barangkali ini adalah tindakan paling drastik pernah diambil oleh mana-mana negara Asia sepanjang krisis kewangan sekarang bagi mengawal sendiri tukaran asing dan paras turun naiknya, dihadkan.

Tidak dapat dielakkan sesetengah penganalisis percaya langkah itu hanya boleh diguna pakai dalam tempoh jangka pendek dan sederhana, dan sistem tukaran bebas akan diguna-pakai semula apabila keadaan ekonomi pulih seperti biasa. Hakikatnya, peraturan baru kawalan tukaran asing itu tidak

harus disalah anggap sebagai menutup pintu kepada pelabur.

Pelabur tulen terus digalak, malah semua insentif untuk mereka kekal. Wang asing mereka masih boleh dibawa masuk ke dalam negara dengan ditukar kepada ringgit dan digunakan dalam Malaysia untuk dilaburkan dalam bentuk apa saja seperti membeli hartanah atau membuka kilang.

Apabila pelabur menjalankan perniagaan dan ingin membawa keluar wang, mereka boleh memohon dengan Bank Negara.

Pelabur juga boleh melabur dengan membeli saham tetapi pelaburan seumpama itu mesti dilakukan di Malaysia. Pelaburan itu juga harus memegang saham yang dibeli sekurang-kurangnya setahun. Ini bermakna, hanya pelabur tulen dibenar melabur, bukan 'wang panas' yang boleh masuk dan keluar sesuka hati.

Dalam wawancara khas kelmarin, Dr Mahathir menjelaskan Malaysia akan terus menggalak pelabur jangka panjang tulen manakala yang sudahpun berada di sini boleh terus membawa pulang keuntungan mereka.

"Sebaliknya, spekulator pasaran saham yang memusnahkan syarikat akan dihalang daripada melupuskan aset kerana ia bukan sesuatu yang Malaysia mahukan," kata Perdana Menteri.

Dr Zeti pula menjelaskan peraturan baru itu dibuat berdasarkan pertimbangan untuk mengehadkan kesan jangkitan perkembangan luaran ke atas ekonomi negara; mengekalkan faedah yang diperolehi baru-baru ini daripada langkah dasar serta memastikan kestabilan harga domestik dan pertukaran ringgit.

Langkah itu dibuat bagi membolehkan negara bersedia untuk meminimumkan kesan kemungkinan krisis ekonomi sejagat dan 'gangguan' dalam sistem kewangan dunia.

Beliau berkata, pengalaman di negara lain menunjukkan mereka yang mengambil langkah untuk mengasingkan diri daripada perkembangan luar berada dalam kedudukan baik bagi menghadapi cabaran perkembangan itu.

"Langkah baru itu akan ditarik balik apabila persekitaran kewangan sejagat kembali seperti biasa. Malaysia akan kembali kepada peraturan aliran modal asing bebas sebelum ini sebaik saja ada pemulihan yang boleh diterima pasaran mata wang dan kewangan," katanya sambil menambah peraturan kawalan tukaran yang dibawa oleh pengembara tidak berbeza daripada apa yang dilaksanakan negara lain termasuk negara maju.

Dr Krugman dalam rencananya di majalah Fortune keluaran terakhir berkata, kawalan tukaran asing yang radikal secara sementara akan memutuskan perhubungan antara kadar faedah domestik dan kadar tukaran asing.

Katanya, ini akan membolehkan kerajaan menurunkan kadar faedah tanpa menyebabkan mata wang mereka turun menjunam secara berterusan.

Beliau berkata, keadaan yang keterlaluan memerlukan langkah keterlaluan dan jika Asia tidak bertindak dengan cepat, krisis itu akan menjadi semakin buruk, mungkin menyerupai kemelesetan yang dialami pada 1930-an.

Apapun langkah yang diambil kerajaan, rakyat tidak harus bimbang kerana ianya dilaksanakan dengan mengambilkira kepentingan majoriti. Dalam keadaan sekarang, apa yang penting ialah sokongan padu rakyat terhadap usaha kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara.

(END)